

04 AUG 2003

Sukan-Selat/I

MALIK AKHIRNYA TAKLUK SELAT INGGERIS

Oleh: Asan Ahmad

DOVER (England), 4 Ogos (Bernama) -- Setelah misinya tertangguh lebih seminggu akibat cuaca buruk, Abdul Malik Mydin malam tadi (3 pagi waktu Malaysia) akhirnya berjaya berenang merentasi Selat Inggeris sejauh 32.8km dalam masa 17 jam 42 minit bagi menjadi rakyat Malaysia yang pertama dan satu-satunya warga dari Asia Timur menakluki laut yang mencabar itu.

Perenang berusia 28 tahun berasal dari Pulau Pinang itu tiba di garisan penamat di Pantai Wissant di Perancis pada 7.50 malam waktu London setelah memulakan cabarannya itu pada 2.08 pagi waktu di sini dari Pantai Abbots Cliff, 5km dari pangkalan Marin Dover.

Ketibaan Malik di Pantai Wissant disambut oleh Pegawai Daerah Seberang Prai Utara Datuk Abdul Ghani Ariffin serta sekumpulan rakyat Malaysia yang tinggal di Perancis.

Garisan penamat asal adalah di Cap Gris Nez tetapi Malik dihanyutkan arus pada 7 km terakhir sehingga dia sampai di Pantai Wissant, 5 km dari Cap Gris Nez.

Sejurus sebelum bermula, Malik menerima panggilan telefon daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1.36 pagi waktu London bagi mengucapkan selamat berjaya kepada beliau.

Perdana Menteri membuat satu lagi panggilan pada 10.02 pagi bagi terus memberikan semangat kepada Malik, demikian menurut pengurus perhubungan awam Cabaran Selat itu, Rahayu Ahmad.

Mesej Dr Mahathir yang berbunyi: "Saya Dan Datin Sentiasa Doakan Semoga Malik Berjaya" yang tertulis pada satu kad manila ditunjukkan kepada Malik oleh jurulatihnya John van Wisse sepanjang renangannya itu.

Walaupun cuaca baik, terdapat ombak yang kuat apabila kapal-kapal besar melalui selat itu dan ini menyukarnya Malik untuk berenang.

Namun, beliau terus gagah mengharungi cabaran itu.

Suhu pada 16 Celcius dianggap sesuai manakala kelajuan angin adalah antara 15 dan 17 batu nautika satu jam.

Cubaan oleh Malik itu dipantau oleh pegawai-pegawai Persekutuan Renang dan Pengemudian Selat (CSPF) diketuai setiausaha agungnyanya Michael Oram.

Mereka mengikuti beliau dari sebuah bot yang dipandu sendiri oleh Oram, orang yang berkuasa membuat sebarang keputusan mengenai renangan itu.

Malik dibenarkan minum selang 20 minit bagi memastikan beliau mendapat bekalan air yang mencukupi.

Ujian paling getir sepanjang renangannya itu berlaku pada 7km terakhir apabila arus deras memaksa Malik menukar arah ke garisan penamat.

Ketika itu beliau sudah berenang hampir empat jam melawan arus dan dia kelihatan begitu letih.

Namun, berbekalkan semangat dan azam yang amat kuat bagi mencapai hasratnya itu, Malik meneruskan cabaran itu sambil diperhatikan dengan begitu teliti oleh jurulatihnya bagi menentukan Malik benar-benar mampu meneruskan cubaannya itu.

Dengan tinggal 1km saja lagi ke garisan penamat, van Wisse terjun ke laut dan berenang di sisi Malik sebagai pendorong bagi membolehkan Malik menawan arus yang kuat ketika itu.

Akhirnya beliau tiba di garisan penamat, dan siren pun dibunyikan.

Malik kemudian dipimpin oleh jurulatihnya itu untuk naik ke pantai dan bertemu kumpulan penyokong yang sudah menunggu di situ sejak 5 petang waktu tempatan.

Sebaik mendarat, Malik mencium pasir di Pantai Wissant -- satu isyarat

kepada dunia bahawa beliau telahpun berjaya dalam misinya.

Beliau kemudian menerima ucapan tahniah menerusi telefon daripada Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Malik menjadi antara beberapa individu yang telah menyahut cabaran Dr Mahathir bagi membuktikan kepada dunia bahawa anak Malaysia setanding dengan rakyat negara lain dalam menghadapi apa juga cabaran.

-- BERNAMA

AHA MAI